

Banjir besar landa Kuala Selangor 24 November?

KUALA SELANGOR 20 Nov. - Banjir lebih buruk dijangka melanda daerah ini pada Selasa ini berikutan air pasang besar beserta hujan lebat yang luar biasa.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Zaidy Abdul Talib berkata, bencana tersebut juga berkemungkinan menjangkau sehingga daerah Sepang dan Kuala Langat.

Sehubungan itu jelasnya, pelbagai agensi kini giat mengepam air banjir di daerah ini tanpa henti 24 jam untuk dialirkan ke muara sungai bagi mengelak bencana besar tersebut.

“Berdasarkan maklumat dari-

pada Jabatan Meteorologi serta Jabatan Pengairan dan Saliran, kemungkinan berlaku air pasang besar pada 24 November ini di laut Kuala Selangor yang boleh menyebabkan banjir lebih buruk.

“Sekiranya air banjir sedia ada yang dipam tidak sempat mengalir ke muara, maka sistem perparitan dan saliran tidak lagi mampu menampung jumlah air,” katanya kepada pemberita selepas melawat pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Zaidy mengakui, sistem perparitan sedia ada di daerah ini sudah tidak lagi relevan dengan tahap pembangunan yang rancak di

sekitarnya selain sikap masyarakat suka membuang sampah di hulu sungai menyebabkan berlaku banjir di bahagian muara.

Sehubungan itu katanya, kerajaan negeri akan memastikan setiap pemaju membuat sistem penampungan bagi mengelak lumpur memasuki saliran air di sekitar tapak projek masing-masing.

Mengenai keadaan mangsa banjir pula, beliau memberitahu, kesemua 951 orang yang ditempatkan di lima pusat pemindahan banjir di daerah ini dijangka pulang ke rumah masing-masing dalam tempoh tiga hari lagi.

“Bagaimanapun, perkara ini tertakluk kepada keadaan cuaca termasuk hujan,” ujarinya.